

HIPOTESIS PERGERAKAN DAN ENKLITIK -NYA: IMPLIKASI TERHADAP TEORI KASUS DAN TEORI TETA

Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan

Abstrak

Penulisan ini akan membincangkan aplikasi Hipotesis Pergerakan yang telah dapat menerangkan pengklitikan enklitik “-nya” (*Jurnal Bahasa*, Jun 2006) dalam bahasa Melayu dengan lebih lanjut. Penerimaan analisis itu dapat diperkuuh sekiranya implikasi teori kasus dan teori teta dapat dijelaskan dengan terperinci. Implikasi terhadap penandaan kasus dan pemberian peranan teta oleh klitik dalam bahasa-bahasa Roman telah banyak dibahaskan oleh Aoun (1982), Kayne (1975) dan Jaeggli (1982). Ketiga-tiga pakar ini mempunyai pendapat yang berlainan mengenai penandaan teta dan pemberian kasus. Mereka menamakan penandaan peranan teta dan pemberian kasus kepada klitik tertentu sebagai penyerapan kasus dan penyerapan peranan teta. Oleh yang demikian, penulisan ini akan memberikan tumpuan terhadap peranan teta pada struktur-D, dan kasus pada struktur-L serta menjelaskan penyerapan teta dan penyerapan kasus oleh enklitik “-nya” dalam bahasa Melayu.

Abstract

*This article discusses in detail the application of Movement Hypothesis which had explained the cliticization of enclitic “-nya” (*Jurnal Bahasa*, June 2006) in Malay language. The analysis can be strengthened if the case and theta theory which had implication due to the movement hypothesis can be explained in detail. The implication towards the case and theta theory was discussed by Aoun (1982), Kayne (1975) and Jaeggli (1982). These three experts had a different view towards the theta mark and case assignment. They named the theta marking and case assignment to the certain clitics*

as theta absorption and case absorption. Therefore, this writing will concentrate on the theta mark at the D-structure and case assignment at the L-structure and explain the theta and case absorption by the enclitic “-nya” in Malay language.

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini hanya memberikan tumpuan pada enklitik “-nya” yang hadir melekat pada hosnya yang terdiri daripada kata kerja dan kata preposisi. Proses kehadiran ini dikenal sebagai pengklitikan. Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2006) telah membahaskan dan menghuraikan bahawa proses pengklitikan enklitik “-nya” melibatkan pergerakan ataupun transformasi, dan bukannya *in situ*. Perbahasan itu bermakna bahawa Hipotesis Pergerakan diadaptasikan berbanding dengan Hipotesis *In-situ* untuk menjelaskan proses pengklitikan dalam bahasa Melayu. Analisis Hipotesis Pergerakan masih dapat diperkuuhkan lagi sekiranya implikasi terhadap peranan teta dan kasus dapat dibahaskan juga. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan menghuraikan peranan teta dan kasus kepada enklitik “-nya”.

KERANGKA TEORI KASUS DAN TEORI TETA

Teori teta ialah teori yang melibatkan penentuan peranan sesuatu kata nama pada struktur-D oleh kata kerja. Mengikut Chomsky (1986b:98), struktur-D¹ ialah representasi sebenar hubungan tematik sesuatu leksikal dengan argumennya yang dikawal oleh teori teta. Teori teta akan melibatkan penandaan peranan teta.

Peranan teta pertama kalinya dijelaskan dalam kerangka generatif oleh Jeffrey Gruber (1965) dalam tesisnya yang kemudiannya dikaji dengan lebih mendalam oleh Jackendoff (1975). Teori teta ini mementingkan penandaan peranan teta seperti **AGEN**, **PENDERITA**, **TEMA**, **SASARAN**, **SUMBER** dan **PENGALAMI** pada konstituen yang menjadi argumen untuk kata kerja. Teori ini mengenalkan kata kerja sebagai predikat manakala FN yang mempunyai hubungan dengannya dikenal sebagai argumen.² Argumen pula terbahagi kepada argumen dalaman dan argumen luaran.

1 Struktur-D ialah kewujudan sintaksis abstrak sesuatu ayat yang menentukan faktor yang mengawal interpretasi sesuatu ayat. (kamus Linguistik, 1997).

2 Satu kekangan yang perlu diingati ialah hanya FN yang mempunyai hubungan dengan predikat sahaja ditandakan teta.

FN yang bersebelahan dengan predikat dan menduduki posisi objek dikenal sebagai argumen dalaman sementara FN yang menduduki posisi subjek dikenal sebagai argumen luaran. Hubungan di antara argumen dengan peranan teta dinyatakan dalam Kriteria Teta seperti yang di bawah:


(1) Kriteria Teta (Chomsky, 1982a: 36):

- setiap argumen mesti diberikan satu peranan teta.
- setiap peranan teta mesti diberikan kepada setiap argumen.

Kriteria (1) adalah amat penting untuk membentuk satu ayat yang gramatis kerana kehadiran FN tanpa peranan teta pada struktur-D dalam suatu ayat boleh menyebabkan ayat tersebut tidak gramatis. Kriteria teta ini memastikan setiap argumen diberikan satu peranan teta sahaja oleh kata kerja. Peranan ini juga hanya boleh diberikan sekali sahaja. Penjelasan ini dapat digambarkan oleh ayat (2) dalam struktur representasi (2a):

(2) Ahmad telah menyalin nota itu.

(2) a. FLEKSI



Kata kerja *menyalin* dalam ayat (2) ialah kata kerja transitif. Oleh yang demikian, kata kerja ini mempunyai dua argumen, iaitu satu FN *Ahmad* yang menduduki posisi *spesifier* dan satu FN *nota itu* yang menuhi posisi komplemen dalam (2a). FN *Ahmad* menduduki satu posisi yang dikenal sebagai posisi *spesifier* dalam (2a). Posisi ini dikhaskan untuk

³ Abney (1987) mencadangkan FN ini ditukarkan kepada FDet (Frasa Penentu). Ini menyebabkan FDet ini mempunyai kepala fungsian *Det* yang diduduki oleh kata penentu dan mempunyai unjuruan maksimumnya yang tersendiri. Analisis ini tidak diadaptasikan dalam artikel ini.

kedudukan FN yang menjadi subjek bagi suatu ayat. Penulisan ini mengandaikan bahawa apabila suatu FN itu menjadi subjek bagi suatu ayat, maka kedudukannya adalah sentiasa pada posisi *specifier* FFLEKSI. FN *Ahmad* yang menduduki posisi *specifier* dan FN *nota itu* adalah argumen bagi kata kerja *menyalin*. Oleh yang demikian, mengikut Kriteria Teta, argumen FN *Ahmad* ditandakan peranan agen oleh kata kerja transitif *menyalin*, manakala, argumen FN *nota itu* pula ditandakan peranan tema.

Penandaan peranan teta telah dikaji dengan lebih mendalam oleh Williams (1995). Beliau telah meletakkan tiga syarat, iaitu wajib, unik dan setempat yang perlu dipenuhi oleh suatu kata kerja. Syarat-syarat ini akan dijelaskan dengan lebih mendalam dalam bahagian yang akan membincangkan peranan teta dan enklitik “-nya”.

Teori kasus pula ialah teori yang berkait dengan penandaan kasus abstrak pada FN dan mengawal penyebarannya pada struktur-L.⁴ Teori kasus mula diperkenalkan oleh Rouveret dan Vergnaud (1980). Walau bagaimanapun, teori ini telah dibahaskan dan dibincangkan semula dengan lebih mendalam oleh Chomsky (1982a) yang kemudiannya memperkenalkan Prinsip Tapisan Kasus dalam Teori Kasus:

(3) Tapisan Kasus (Chomsky 1982a)

*FN, jika FN itu mempunyai realisasi fonetik dan tidak mempunyai kasus pada struktur-L.

Prinsip (3) telah menyatakan dengan jelas bahawa setiap FN yang mempunyai realisasi fonetik dalam semua bahasa mesti ditandakan dengan kasus. Prinsip ini ialah prinsip yang bersifat sejagat. Ini membawa maksud bahawa prinsip ini beroperasi ke atas semua bentuk FN dalam semua bahasa.

Chomsky (1982a) menyatakan bahawa kasus akan menentukan sama ada ayat itu gramatis ataupun tidak. Kasus terdiri daripada lima jenis, iaitu kasus nominatif, kasus akusatif, kasus objektif, kasus oblik dan kasus genetif (Chomsky, 1986a:188). Seterusnya, Chomsky (1986b:193) telah membezakan kasus-kasus tersebut kepada kasus inheren dan kasus struktural. Kasus inheren terdiri daripada kasus genetif dan kasus oblik manakala kasus struktural terdiri daripada kasus nominatif dan kasus akusatif/ objektif. Kasus inheren ditandakan pada struktur-D, manakala, kasus

4 Struktur-L ialah peringkat akhir sesuatu ayat yang menjadi input kepada komponen fonologi, iaitu ayat sebenar yang diucapkan (Kamus Linguistik, 1997).

struktural ditandakan pada struktur-L. Walau bagaimanapun, penulisan ini hanya menumpukan pada kasus struktural sahaja.

PERNYATAAN MASALAH

Pengenalan

Proses pengklitikan tidak boleh lari daripada penandaan peranan teta dan pemberian kasus. Proses pengklitikan yang melibatkan penandaan peranan teta pada struktur-D dan pemberian kasus pada struktur-L ke atas klitik telah dibahaskan oleh Aoun (1982), Kayne (1975) dan Jaeggli (1982). Ketiga-tiga pakar ini mempunyai pendapat yang berbeza mengenai penandaan peranan teta, dan pemberian kasus. Mereka menamakan pemberian peranan teta dan penandaan kasus kepada klitik tertentu sebagai penyerapan kasus dan penyerapan peranan teta. Oleh yang demikian, penulisan ini akan menjelaskan analisis Kayne, Aoun dan Jaeggli terlebih dahulu sebelum penulis membahaskan penyerapan peranan teta dan penyerapan teta oleh enklitik “-nya”.

Analisis Kayne (1975) dan Aoun (1985)


Kayne (1975) lebih awal telah menjalankan kajian ke atas klitik-klitik dalam bahasa Perancis. Kayne telah mengadaptasikan analisis Hipotesis Pergerakan dalam menganalisis klitik. Beliau menghujahkan bahawa klitik *les* menduduki posisi FN, iaitu posisi komplemen:

- (4) a. Jean mange les pommes.
Jean eat the apple.
'Jean makan apple itu.'
- b. Jean les mange.
Jean them eat.
'Jean memakan sesuatu.'
- c. *Jean *les* mange le pommes.
Jean CL eat the apple.
'Jean makan epal itu.'

Kayne menyatakan bahawa klitik *les* dalam (4b) sebenarnya mempunyai persamaan dengan FN *les pommes* dalam (4a) kerana kedua-duanya


saling melengkapi. Ayat (4c) yang tidak gramatis membuktikan bahawa klitik *les* dan FN *les pommes* saling melengkapi. Sehubungan dengan itu, FK (4b) akan ditandakan struktur-D seperti (5):

(5)



Menurut *Kayne*, sifat saling melengkapi ini menjelaskan kedudukan *les* pada posisi komplemen. Pada posisi ini, *les* telah memenuhi keperluan pensubkategorian K *mange* tersebut. *Kayne* mendakwa bahawa pada posisi ini, klitik *les* menyerap peranan teta yang diberikan pada posisi tersebut. Pada struktur-L, klitik ini bergerak ke kiri, iaitu posisi yang bersebelahan dengan K melalui cantuman ke kiri, dan K ini melahirkan struktur (6):

(6)



Fenomena pergerakan cantuman ke kiri ini turut mencadangkan bahawa pada struktur-L, klitik *les* menyerap kasus akusatif yang ditandakan oleh kata kerja tersebut seperti kata kerja pasif menyerap kasus akusatif. Klitik yang menyerap kasus akusatif ini telah dikenal sebagai klitik akusatif.

Analisis Jaeggli 1982


Jaeggli (1982) telah menjalankan kajian ke atas bahasa Sepanyol yang mempunyai klitik pronomina seperti *lo* '*him*'-*dia*, *los* '*her*'-*dia*, *las* '*them*'-*mereka*, *le* '*him/her*'-*dia* dan *les* '*them*'-*mereka*. Beliau telah mengadaptasikan analisis in situ untuk menjalankan analisis sintaksis ke atas klitik-klitik tersebut. Beliau juga turut membahaskan implikasi teori kasus dan teori teta ke atas klitik-klitik tersebut.

Bagi memudahkan perbincangan, ayat (7) akan dijadikan contoh untuk perbincangan tersebut:

- (7) a. Marie voit Jean.
 Marie sees Jean.
 ‘Marie nampak Jean’
- b. Marie lo voi.
 Marie KL sees
 ‘Marie nampak Jean’

Jaeggli (1982:18) menegaskan bahawa FK dalam ayat (7b) mempunyai struktur-D dan struktur-L yang sama seperti dalam struktur (8):

(8)



Posisi komplemen FN akan tetap diunjurkan untuk memenuhi Prinsip Unjuran yang memastikan maklumat pensubkategorian kata kerja dipenuhi. Oleh yang demikian, peranan teta ditandakan pada posisi komplemen, iaitu FN yang kosong, iaitu *e*, dan bukannya pada proklitik *lo* kerana peranan tematik dalam masukan leksikal kata kerja *voi* hanya dihubungkaitkan dengan pensubkategorian yang memerlukan FN diunjurkan dalam struktur-D. Seterusnya, bentuk *e* yang menduduki posisi komplemen dan klitik *lo* perlu dikoindekskan kerana klitik *lo* mempunyai fitur [+pronominal] yang sama dengan FN yang kosong itu. Indeks yang sama ini membentuk satu rantai (Chomsky, 1986a).

Mengikut Prinsip Keperluan Hubungan Komplemen (Borer, 1984), klitik [+pronomina] mestilah dihubungkaitkan dengan satu peranan teta. Prinsip ini dapat dipenuhi melalui rantai yang terbentuk. Oleh yang demikian, klitik *lo* mendapat peranan teta yang sama dengan peranan teta pada *e*, iaitu FN yang kosong pada struktur-D melalui rantai ini. Ini menyebabkan Jaeggli mendakwa bahawa peranan teta diberikan pada klitik *lo* dan tidak diserap.

Pada struktur-L pula, Jaeggli (1982:19) menegaskan bahawa bentuk utuh dan klitik bukan sahaja tidak mempunyai bentuk yang sama malah cara penandaan kasus juga berbeza. Beliau mendakwa bahawa klitik *lo* menyerap kasus akusatif yang ditandakan oleh kata kerja *voi*. Menurut Jaeggli lagi, kasus tidak ditandakan pada klitik, sebaliknya kasus diserap oleh klitik tersebut. Oleh yang demikian, penandaan kasus oleh proklitik *lo* dikenal sebagai penyerapan kasus.

Jaeggli (1982) telah membahagikan klitik dalam bahasa Sepanyol kepada klitik akusatif (*lo*, *la*, *los*, *las*) dan klitik datif (*le*, *les*). Analisis Jaeggli yang lebih mendalam mendapatkan bahawa bukan setiap klitik yang menyerap kasus. Klitik yang wujud bersama-sama dengan FN tidak menyerap kasus seperti ayat (9):

- (9) Marta le_i dio_j un beso a Juan_k.
Marta CL gave a kiss to Juan.
'Marta memberi cuiman kepada Juan.'

Klitik datif *le* dalam (9) mempunyai hubungan dengan objek tak langsung FN *Juan*. Fenomena yang menunjukkan bahawa klitik dan bentuk utuhnya hadir bersama dalam satu ayat dikenal sebagai fenomena penggandaan klitik. Jaeggli mendakwa bahawa klitik *le* dalam (9) tidak menyerap kasus kerana setiap penanda kasus, iaitu kata kerja *dio* dan kata preposisi *a* telah menandakan kasus masing-masing pada FN masing-masing yang bersebelahan, iaitu FN *un beso* dan FN *Juan*. Oleh yang demikian, klitik *lo* sudah tidak mempunyai kasus yang boleh diserap.

Kehadiran yang sedemikian menyebabkan Jaeggli merumuskan bahawa klitik datif seperti *le* tidak menyerap kasus. Sehubungan dengan itu, Jaeggli menyimpulkan bahawa klitik akusatif menyerap kasus tetapi klitik datif tidak menyerap kasus. Rumusan beliau ialah penyerapan kasus adalah opsyenal dan bergantung pada jenis klitik yang wujud pada kata kerja tersebut.

Bahagian ini telah membincangkan peranan teta dan kasus oleh klitik dalam bahasa Sepanyol dan Perancis yang diperkenalkan oleh Aoun (1985), Jaeggli (1982) dan Kayne(1975). Aoun (1985) dan Kayne (1975) yang telah mengkaji bahasa Perancis pula membahaskan bahawa klitik menyerap peranan teta dan kasus yang ditandakan oleh kata kerja. Jaeggli (1982) pula membahaskan bahawa klitik dalam bahasa Sepanyol menerima penandaan teta, tetapi menyerap kasus yang ditandakan oleh kata kerjanya. Walaupun begitu, penyerapan kasus adalah opsyenal kerana bergantung pada jenis klitik dalam bahasa tersebut. Bahagian seterusnya akan membahaskan pandangan yang berbeza mengenai kasus dan teta dan cara mengaplikasikan kedua-duanya pada enklitik “-nya”.

KASUS DAN TETA, DAN HUBUNGANNYA DENGAN ENKLITIKNYA “-NYA”

Terdapat dua jenis analisis sintaksis ke atas klitik dan setiap jenis analisis ini pula memberikan impak yang berbeza kepada penyerapan kasus dan teta. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam bahagian ini akan mengkaji pengaruh teori teta dan teori kasus pada enklitik “-nya”. Bahagian ini akan menganalisis perbezaan dan persamaan kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif dan kata preposisi transitif dalam penandaan kasus dan peranan teta dengan kehadiran enklitik “-nya” pada setiap golongan kata masing-masing.

Kata Kerja dan Kata Preposisi: Peranan Teta

Teori teta ialah teori yang mengaitkan hubungan antara suatu predikat, iaitu kata kerja dengan argumennya. Argumen pula terbahagi kepada argumen luaran dan argumen dalaman. Argumen luaran ialah FN yang menduduki posisi subjek dan penulisan ini mengandaikan bahawa posisi [*specifier FFLEKSI*] ialah posisi bagi argumen luaran, manakala, argumen dalaman ialah FN yang menduduki posisi objek, iaitu posisi [FN K']. Hubungan antara kata kerja dengan FN yang menduduki posisi objek perlu memenuhi tiga syarat pada struktur-D sesuatu ayat untuk ditandakan peranan teta (Williams, 1995). Syarat-syarat tersebut ialah wajib, unik dan setempat.

Syarat wajib terbahagi kepada dua perkara. Pertama, suatu FN mesti menjadi argumen kepada suatu kata kerja. Kedua ialah posisi argumen mesti dipenuhi oleh suatu FN, sebagai contoh:

(10) Amir sedang bernyanyi.

(11) *Lutfi minum.

Ayat (10) mempunyai kata kerja tak transitif *bernyanyi* yang tidak memerlukan apa-apa pelengkap, maka kata kerja ini hanya mempunyai satu argumen, iaitu FN *Amir*. Sebaliknya, ayat (11) mempunyai kata kerja transitif *minum* yang memerlukan dua argumen. Ketiadaan FN yang boleh memenuhi posisi argumen kedua pada posisi objek dalam ayat (11) menyebabkan ayat ini telah melanggari syarat wajib dan ditandakan tidak gramatis.

Unik merupakan syarat kedua untuk memenuhi pemberian peranan teta. Unik dikaitkan dengan prinsip Kriteria teta. Ini bermaksud, satu FN hanya boleh menerima satu peranan sahaja, dan satu peranan teta hanya boleh diberikan pada satu FN sahaja (Chomsky, 1981). Ayat (10) memenuhi syarat ini kerana argumen luaran FN *dia* diberikan satu peranan teta. Sebaliknya, syarat unik tidak dapat dipenuhi oleh ayat (11) kerana kata kerja transitif *minum* yang memerlukan dua argumen untuk melengkapkan maksudnya hanya mempunyai satu argumen sahaja, dan ketiadaan argumen kedua menyebabkan kata kerja ini tidak dapat memberikan peranan tetanya pada argumen kedua. Oleh yang demikian, ayat tersebut ditandakan tidak gramatis.


Keperluan setempat ialah syarat yang paling penting untuk pemberian peranan teta oleh suatu kata kerja itu. Setempat dikaitkan dengan kedudukan suatu argumen dalaman yang bersebelahan dengan kata kerja. Menurut Williams (1995), bersebelahan merujuk kepada posisi komplemen yang boleh diperintah oleh kata kerja tertentu, sebagai contoh, kata kerja transitif yang menguasai FN objek. FN ini dikatakan bersebelahan dengan kata kerja tersebut. Peranan teta hanya diberikan pada FN yang dikuasai oleh kata kerja itu.⁵

Ketiga-tiga syarat yang diutarakan oleh Williams (1995) akan diaplikasikan dalam analisis kata kerja bahasa Melayu. Kata kerja transitif *minum* dalam ayat (11) yang memenuhi keperluan pensubkategorian menghasilkan ayat (12), dan FK dalam ayat (12) pula ditandakan struktur (12a):

5 Penandaan kasus juga diberikan dengan cara Kuasaan. Perbezaannya ialah kasus boleh diberikan pada klausa yang bersebelahan seperti 'Penandaan Kasus Terkecuali' dalam bahasa Inggeris tetapi peranan teta tidak boleh diberikan pada klausa yang lain (Haege- man, 1994).

(12) Lutfi minum air.

(12a)




FN *air* dalam ayat (12) memenuhi syarat wajib kerana FN *air* telah menjadi argumen kepada kata kerja transitif *minum*. FN tersebut juga memenuhi syarat kedua, iaitu unik apabila kata kerja *minum* memberikan satu peranan sahaja kepada FN *air*, iaitu peranan **TEMA**. Peranan teta yang diberikan oleh kata kerja pada FN *air* dalam (12) hanya ditandakan sekali sahaja. Seterusnya FN *air* dalam ayat (12) turut memenuhi syarat setempat kerana kedudukan FN *air* menduduki posisi komplemen, iaitu posisi yang bersebelahan dan menjalankan hubungan adik-beradik dengan kata kerja tersebut pada struktur-D.

Kata kerja dwitransitif yang mempunyai dua argumen seperti ayat (13):

(13) Abu memberikan surat kepada Azizah.

Kata kerja dwitransitif mensubkategorikan satu FN yang dikenal sebagai objek langsung dan satu FP yang dikenal sebagai objek tak langsung. Kedua-dua bentuk objek ini akan diunjurkan bagi memenuhi Prinsip Unjuran dalam suatu representasi yang dapat menggambarkan hubungan di antara objek dengan kata kerja dwitransitif ini. Bagi memenuhi hubungan ini, kedua-dua objek itu perlu hadir bersebelahan dengan kata kerja dwitransitif. Sifat bersebelahan ini sering kali dikaitkan dengan hubungan kekeluargaan. Satu cara adalah dengan mewujudkan struktur-D yang bercabang tiga seperti yang telah dicadangkan oleh Edmonds (1985) seperti dalam (13a):

(13) a.



Dalam struktur (13a), K' menaungi secara terus tiga nodus, iaitu K, FN dan FP. Oleh itu, mengikut hubungan kekeluargaan, ketiga-tiga nodus K, FN dan FP ialah nodus adik beradik. Seterusnya, Ramli (1989) melalui analisis di antara kata kerja dwitransitif bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris telah mendakwa bahawa dalam konteks FN - kepada - FN pada struktur-D dalam bahasa Melayu, nodus P yang diunjurkan oleh teori X-berpalang tidak disisipkan dengan kata preposisi *kepada*. Kata preposisi ini hanya disisipkan pada struktur-L.⁶

Cara pemberian peranan teta oleh K *memberi* pada FN *surat* dalam (13a) adalah sama seperti yang dilakukan oleh K *minum* dalam ayat (12). Oleh yang demikian, FN *surat* juga dapat memenuhi ketiga-tiga syarat dan diberikan satu peranan teta. Sebaliknya, FN *Azizah* yang mempunyai kedudukan yang tidak bersebelahan dengan kata kerja dwitransitif *memberi* memerlukan penjelasan. Jika dilihat pada struktur-D (13a) FP mempunyai hubungan adik-beradik dengan kepala leksikal K *memberi* kerana kedua-duanya dinaungi oleh nodus yang sama, iaitu K'. Ini bermakna FP juga menduduki posisi komplemen yang diperintah oleh K *memberi* seperti FN *surat*. Satu masalah yang timbul ialah kedudukan FN *Azizah* yang bersebelahan dengan P *kepada* tetapi tidak bersebelahan dengan K *memberi* yang berupaya menandakan teta.

Walaupun begitu, penulis ingin menjelaskan bahawa FN *Azizah* tetap memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Williams (1995). Syarat yang pertama ialah syarat wajib. Syarat wajib ini dapat dipenuhi oleh FN *Azizah* kerana FN ini menduduki posisi argumen, iaitu posisi yang berkomplemen kepada P. Syarat kedua ialah unik juga dapat dipenuhi kerana kata kerja dwitransitif *memberi* telah memberikan satu peranan teta secara tidak langsung kepada FN *Azizah*. Menurut Ouhalla (1999:159) dalam keadaan ini, kata kerja diandaikan menandakan teta kepada FN yang menduduki posisi komplemen kata preposisi secara tidak langsung seperti yang digambarkan dalam (14):

$$(14) \quad \dots [_{FK} K FN [_{FP} P FN]]$$

↑ ↑
teta teta

6 Larson (1988) telah mencadangkan struktur cengkerang-FK ‘VP Shell’ untuk kata kerja dwitransitif dan mengandaikan bahawa kata preposisi wujud mengikuti kata nama objek tak langsung pada struktur-D. Walaupun demikian, Ramli (1989) telah mempertahankan dengan baik struktur (13) dalam bahasa Melayu maka analisis ini juga akan mengandaikan struktur (13) sahaja.

Menurut Ouhalla, K menanda teta FP berlandaskan hubungan adik-beradik. Seterusnya, peranan teta pada FP dipindahkan kepada kepala P. Peranan tersebut kemudian diberikan kepada FN yang bersebelahan dengannya berlandaskan hubungan adik-beradik juga. Oleh yang demikian, hanya P yang mempunyai struktur yang sedemikian sahaja boleh menerima peranan teta yang diberi oleh kata kerja kepada FN yang menjadi objek kepada P.⁷

Cadangan Ouhalla yang digambarkan dalam (14) dapat diaplikasikan pada struktur (13a) dan membolehkan FN *Azizah* mendapat peranan **sasaran** secara tidak langsung daripada K *memberi*. Menurut Ouhalla (1999:159), syarat ketiga juga dapat dipenuhi kerana hubungan setempat dianggap terjalin di antara kata kerja dwitransitif dengan FN melalui P secara tidak langsung seperti yang telah digambarkan dalam (14). Maka FN *Azizah* memenuhi syarat setempat dengan K *memberi* melalui P.

Bahagian ini telah membincangkan cara kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif dan kata preposisi transitif menandakan peranan teta kepada FN yang menjadi objek kepada setiap golongan kata tersebut. Penandaan teta hanya dianggap sempurna sekiranya ketiga-tiga syarat dipenuhi, iaitu unik, setempat dan wajib. Seterusnya, syarat-syarat yang telah dibincangkan dalam bahagian ini akan diterapkan pada enklitik “-nya” yang berfungsi sebagai objek bagi kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif dan kata preposisi transitif untuk membahaskan enklitik “-nya” sama ada menerima peranan teta ataupun menyerap peranan teta.

Peranan teta dan enklitik “-nya”

Penulisan ini telah membincangkan cara kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif dan kata preposisi transitif memberikan peranan teta pada FN yang menjadi argumennya. Bahagian ini pula akan membahaskan cara pemberian peranan teta oleh kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif dan kata preposisi transitif pada enklitik “-nya” seperti dalam ayat (15), (16) dan (17):

7 Penandaan teta ini perlu dibezakan daripada ayat (1) di bawah ini:


(1) Dia pergi ke kedai.

Dalam ayat (1), K *pergi* iaitu kata kerja tak transitif tidak mempunyai hubungan adik-beradik dengan FP *ke kedai*. Maka FN *kedai* tidak mendapat peranan teta daripada K *pergi* seperti yang berlaku pada kata kerja dwitransitif. Sebaliknya, peranan teta ditandakan oleh P *ke* yang mempunyai hubungan adik beradik dengan FN *kedai* dalam struktur-D ayat berkenaan.

- (15) Zaini memukulnya.
- (16) Zaini memberikannya kepada Muhibbah.
- (17) Zaini memberikan hadiah kepadanya.

Bagi memudahkan perbincangan dalam bahagian ini, maka struktur-D FK dalam ayat (15) dilakarkan semula sebagai (15a):

(15) a.




Hubungan antara kata kerja transitif dengan enklitik “-nya” yang dapat menduduki posisi komplemen dapat dibuktikan sekiranya ketiga-tiga syarat, iaitu syarat wajib, unik dan setempat dapat dipenuhi. Struktur (15a) menggambarkan bahawa enklitik “-nya” menduduki posisi komplemen. Analisis ini akan membahaskan penyempurnaan ketiga-tiga syarat pada struktur-D oleh enklitik “-nya”. Pertama, enklitik “-nya” telah menuhi syarat wajib kerana enklitik ini telah menjadi argumen kepada kata kerja *memukul* kerana enklitik “-nya” hadir pada posisi komplemen dalam struktur (15a). Kedua, enklitik “-nya” juga telah menuhi syarat unik. Syarat ini dipenuhi kerana kedudukan enklitik “-nya” pada posisi komplemen pada struktur-D telah memberikan peluang kepada K *memukul* untuk menandakan teta pada enklitik “-nya”. Enklitik “-nya” diberikan hanya satu peranan, iaitu **penderita** oleh kata kerja tersebut. Ini bermakna secara tidak langsung analisis ini mendakwa bahawa enklitik “-nya” tidak menyerap peranan teta yang diberikan oleh kata kerja tetapi menerima peranan teta tersebut. Syarat ketiga, iaitu syarat setempat juga telah dapat dipenuhi kerana kata kerja *memukul* dapat menguasai enklitik “-nya”. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk menyimpulkan bahawa kedudukan enklitik “-nya” pada posisi komplemen dalam struktur-D adalah sahih kerana enklitik “-nya” telah menuhi ketiga-tiga syarat tersebut.

Perbincangan yang berikutnya adalah mengenai kata kerja dwitransitif *memberikan* yang disandari oleh enklitik “-nya” seperti dalam ayat

(16). Bagi memulakan perbincangan, struktur-D FK dalam ayat (16) akan dilakarkan sebagai (16a):


(16) a.



Enklitik *-nya* menduduki posisi komplemen, iaitu posisi argumen bagi kata kerja dwitransitif *memberikan*. Kehadiran enklitik ini pada kedudukan komplemen telah memenuhi syarat pertama, iaitu syarat wajib. Seterusnya kedudukan enklitik *-nya* pada posisi komplemen membolehkan kata kerja dwitransitif *memberikan* peranannya sebagai **tema** pada enklitik *-nya* secara tidak langsung. Pemberian satu peranan teta pada enklitik *-nya* telah memenuhi syarat kedua, iaitu syarat unik. Akhir sekali, kata kerja dwitransitif *memberkani* dapat memerintah-k enklitik *-nya* tanpa apa-apa frasa maksimum yang menghalangnya dan dapat memenuhi syarat ketiga, iaitu syarat setempat. Kebolehan enklitik *-nya* memenuhi ketiga-tiga syarat membuktikan bahawa enklitik *-nya* ditandakan satu peranan teta oleh kata kerja transitif. Analisis ini juga turut mendakwa bahawa enklitik *-nya* tidak menyerap peranan teta.

Enklitik *-nya* yang hadir bersebelahan mengikut *P kepada* dalam ayat (17) dianggap sebagai argumen dalaman bagi *K memberikan*. Maka enklitik *-nya* tertakluk kepada ketiga-tiga syarat seperti yang telah diuraikan. Untuk memudahkan perbincangan FK dalam ayat (18) akan ditandakan struktur-D (18a):

(18) a.



Enklitik “-nya” pada posisi komplemen dalam (18a) juga dapat memenuhi ketiga-tiga syarat seperti mana yang dipenuhi oleh bentuk utuhnya. Enklitik “-nya” memenuhi syarat wajib kerana enklitik “-nya” menduduki posisi komplemen. Enklitik ini juga memenuhi syarat unik kerana penandaan peranan teta yang ditandakan oleh K *memberikan* secara tak langsung melalui kata preposisi (P). Enklitik “-nya” pada posisi ini juga menunjukkan satu sifat yang sama, iaitu tidak menyerap peranan teta. Akhir sekali, seperti yang dicadangkan oleh Ouhalla (1999), hubungan setempat antara kata kerja dwitransitif dengan enklitik “-nya” dapat dipenuhi secara tak langsung juga melalui P. Ini bermakna K *memberikan* memenuhi syarat setempat dengan enklitik (di bawah nodus FN) melalui P.

Kesimpulan yang dapat dicapai dalam bahagian ini ialah enklitik “-nya” menduduki posisi komplemen dan menerima peranan teta yang ditandakan oleh kata kerja dan kata preposisi. Ini sekali gus menolak sama sekali hujah Aoun bahawa klitik menyerap peranan teta. Satu bukti yang dapat dinyatakan ialah terdapatnya perbezaan sifat yang dimiliki oleh enklitik “-nya” dalam bahasa Melayu, dan klitik dalam bahasa Perancis. Enklitik dalam bahasa Melayu menggantikan FN yang merupakan argumen kepada kata kerja. Keadaan ini tidak berlaku dalam bahasa Perancis kerana klitik dalam bahasa ini bukan sahaja menggantikan FN, sebagai contoh objek tak langsung sahaja, malah klitik juga menggantikan keseluruhan frasa, iaitu FP. Bersandarkan keadaan inilah yang menyebabkan Aoun dan Kayne menyatakan bahawa klitik dalam bahasa Perancis menyerap peranan teta. Enklitik “-nya” tidak berupaya untuk menggantikan keseluruhan FP sebaliknya bersandar pada kata preposisi dalam FP dan membuktikan bahawa enklitik “-nya” tidak menyerap peranan teta yang ditandakan padanya.

Kata Kerja dan Kata Preposisi : Penandaan Kasus

Teori kasus mempunyai satu prinsip yang bersifat sejagat dan tegas yang dikenal sebagai Tapisan Kasus. Mengikut Tapisan Kasus, setiap FN yang mempunyai realisasi fonetik perlu ditandakan kasus. Kasus yang dimaksudkan dalam bahagian ini ialah kasus struktural seperti kasus akusatif dan kasus objektif. Menurut Chomsky (1986a:193), kasus struktural ditandakan pada struktur-L.

Kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif yang mensubkategoris-

kan FN objek menandakan kasus akusatif pada FN tersebut manakala kata preposisi transitif pula menandakan kasus objektif. Ramli (1989) telah membincangkan dengan terperinci mengenai penandaan kasus dan membuat rumusan bahawa penandaan kasus dalam bahasa Melayu memerlukan *adjasensi*. Keperluan *adjasensi* ini dikawal oleh Syarat *Adjasensi* (Ramli, 1989:92):

- (19) { *t FN
 t FP

Kasus ditandakan hanya melalui *adjasensi*.

Syarat *adjasensi* menandakan ayat (20) tidak gramatis:

- (20) * Zaini memberikan semalam hadiah kepada Muhibbah.

Berdasarkan syarat *adjasensi*, ayat (20) ditandakan tidak gramatis kerana FN 'hadiah' tidak bersebelahan dengan penanda kasus, iaitu K *memberikan*. Penandaan kasus K ini telah diganggu oleh adverba *semalam*. Sebaliknya, ayat yang sempurna dan mematuhi syarat (19) akan ditandakan kasus dengan betul seperti dalam ayat (21):

- (21) Zaini memberikan hadiah kepada Muhibbah.

FN *hadiah* ditandakan kasus akusatif oleh K *memberikan* manakala FN *Muhibbah* ditandakan kasus objektif oleh P kepala tanpa apa-apa halangan.


Penandaan kasus dan enklitik “-nya”

Pada struktur-L, kasus memainkan peranan yang sangat penting pada FN yang mempunyai pewujudan fonetik. Kasus yang dimiliki oleh FN ditandai oleh penanda kasus seperti kata kerja dan kata preposisi dalam bahasa Melayu (Ramli, 1995). Walaupun begitu, pakar klitik seperti Aoun (1982), Jaeggli (1982) dan Kayne (1975) mempunyai pandangan yang berbeza mengenai penandaan kasus pada klitik. Mereka berpendapat bahawa klitik hanya menyerap kasus dan bukan menerima penandaan kasus seperti yang dilakukan oleh bentuk utuhnya. Oleh yang demikian, perbezaan cara penandaan kasus antara FN dengan klitik akan dibahaskan pada enklitik “-nya”.

FK dalam ayat (22) digambarkan sebagai (22a):

(22) Tajul memukulnya.

(22) a.



Proprietary Material

Pergerakan jenis cantuman oleh enklitik “-nya” menyebabkan enklitik ini dan *K memukul* berada pada aras yang sama dan menghasilkan satu struktur yang dikenal sebagai struktur cantuman. Kita telah pun mengetahui bahawa struktur cantuman menghasilkan nodus yang tidak sempurna. Sebagai contoh, struktur cantuman yang terhasil dalam (22a) menyebabkan satu nodus *K* pada struktur-D membentuk dua nodus, iaitu nodus *K₁* dan *K₂* pada struktur-L. Ini bermakna *K₁* menaungi *K₂ memukul* dan *K₁* juga menaungi *KL “-nya”*. Ini bermakna enklitik “-nya” tidak dikuasai dengan sempurna oleh satu *K* yang sempurna. Sekiranya enklitik tidak dikuasai dengan sempurna maka klitik tidak boleh ditandakan kasus stuktural. Walaupun begitu, Ouhalla (1999:285) berpendapat bahawa dalam struktur cantuman, *K* tetap berupaya untuk menandakan kasus pada posisi komplemennya kerana *K₁* dan *K₂* itu boleh memerintah-k posisi komplemennya. Ini menunjukkan bahawa tikas yang menduduki posisi komplemen ditandakan kasus.

Chomsky (1986b:95) pula mendakwa bahawa sekiranya suatu frasa ataupun kepala digerakkan dari suatu posisi maka akan terbentuk satu rantaian dengan posisi yang dikosongkannya. Posisi yang kosong itu akan ditandakan dengan tikas (*t*). Chomsky (1986b) memperkenalkan rantai untuk menghubungkan anteseden dengan tikasnya. Rantai bagi pergerakan digambarkan sebagai $\langle X, t \rangle$. *X* mewakili anteseden dan *t* mewakili tikas. Oleh yang demikian, rantai ini terdiri daripada dua ahli, iaitu *X* dan *t*. Rantai yang terhasil pula dikenal pasti melalui indeks

yang sama di antara tikas dengan antesedennya. Jika diperhatikan (22a) pergerakan enklitik telah meninggalkan satu tikas *t*. Oleh yang demikian, enklitik “-nya” yang digerakkan akan membentuk rantai dengan posisi yang dikosongkannya. Rantai ini akan jelas melalui indeks yang sama pada kedua-duanya. Kata kerja *memukul* sebagai kepala leksikal akan menandakan kasus akusatif pada *t*, yang dikuasainya. Rantai yang terhasil melalui pergerakan akan menjadi jambatan untuk memindahkan kasus kepada enklitik “-nya”. Oleh yang demikian, analisis ini mencadangkan bahawa enklitik “-nya” menyerap kasus akusatif yang ditandakan pada *t*, melalui rantai yang telah terbentuk pada struktur-L.

Dakwaan ini berpandukan dua keadaan. Pertama, enklitik “-nya” bukanlah FN sepenuhnya yang perlu ditandakan dengan kasus untuk mematuhi tapisan kasus tetapi penanda kasus, iaitu kata kerja *memukul* mempunyai kasus yang perlu ditandakan pada posisi komplemen. Posisi komplemen pula tidak diduduki oleh FN pada struktur-L tetapi diduduki oleh tikas yang terhasil daripada pergerakan enklitik “-nya”. Walaupun begitu, penulis mencadangkan bahawa posisi komplemen ini tetap ditandakan kasus dan rantai yang terbentuk membentuk jambatan di antara posisi kosong dengan enklitik “-nya” yang memberikan peluang untuk enklitik “-nya” menyerap kasus yang ditandakan oleh kata kerja *memukul*. Kedua, ketiadaan fenomena penggandaan klitik dalam bahasa Melayu seperti yang berlaku dalam bahasa Sepanyol⁸ membolehkan kajian ini mendakwa bahawa enklitik “-nya” menyerap kasus.

Enklitik “-nya” yang bersandar mengikuti kata kerja dwitransitif dalam ayat (16) dan kata preposisi dalam ayat (17) pada struktur-L juga mempunyai struktur cantuman seperti yang digambarkan dalam (22a). Oleh yang demikian, enklitik “-nya” juga menyerap kasus yang ditandakan oleh kata kerja dan kata preposisi masing-masing.

Rumusan yang dapat dibuat dalam bahagian ini ialah enklitik “-nya” menerima peranan teta yang ditandakan oleh kata kerja dan kata preposisi yang menguasainya pada struktur-D tetapi menyerap kasus yang ditandakan oleh kata kerja dan kata preposisi tersebut pada struktur-L.

⁸ Penggandaan klitik (kehadiran klitik dan bentuk utuhnya dalam satu ayat) menyebabkan klitik dalam bahasa Sepanyol tidak berupaya untuk menyerap kasus. (Jaeggli, 1982).

KESIMPULAN

Artikel ini telah membahaskan bahawa enklitik “-nya” yang bersandar bersebelahan kata kerja dan kata preposisi berfungsi sebagai objek. Analisis pada peringkat leksikon telah menunjukkan bahawa enklitik “-nya” menduduki posisi komplemen pada struktur-D. Sekali gus cadangan ini menepati sifat enklitik “-nya” bahawa enklitik ini adalah sebahagian daripada FN, iaitu satu bentuk yang telah dilemahkan daripada FN. Analisis pada struktur-L pula menggambarkan bahawa enklitik “-nya” bergerak ke posisi cantuman yang membuktikan bahawa enklitik ini wujud sebagai kepala.

Kedudukan enklitik “-nya” yang berbeza pada struktur-D dan struktur-L telah memberikan implikasi terhadap teori teta dan teori kasus. Perbincangan yang terperinci mendakwa bahawa enklitik yang menduduki posisi komplemen sama ada kata kerja ataupun kata preposisi pada struktur-D boleh menerima peranan teta yang ditandakan oleh leksikal tersebut dan bukannya menyerap peranan teta seperti yang dicadangkan oleh Aoun. Sebaliknya pada struktur-L, enklitik “-nya” yang dicantumkan pada kata kerja ataupun kata preposisi menyerap kasus yang ditandakan oleh kata kerja dan kata preposisi melalui rantai yang terbentuk hasil daripada pergerakan enklitik dari posisi komplemen ke posisi cantuman.

RUJUKAN

- Abney, S., 1987. “*The English Noun Phrase in its Sentential Aspect*”. Tesis Ph.D. Massachusetts Institute of Technology.
- Aoun, J., 1985. *A Grammar of Anaphora*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Borer, H., 1984. *Parametric Syntax: Case Studies in Semitic and Romance Languages*. Dordrecht: Foris.
- Chomsky, N., 1982a. *Lectures on Government and Binding-the PISA Lectures*. Dordrecht-Holland: Foris Publication.
- Chomsky, N., 1986a. *Barriers*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Chomsky, N., 1986b. *Knowledge of Language. Its Nature, Origin, and Use*. New York: Praeger.
- Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan, 2006. “Pengklitikan Enklitik ‘-nya’ pada Kata Kerja: Aplikasi Teori Kuasaan dan Tambatan (chomsky, 1986)” dlm. *Jurnal Bahasa*. 6:3, hlm. 363–384.
- Gruber, J.S., 1965. “*Studies in Lexical Relations*”. Disertasi Ph.D. MIT., Cambridge.
- Haegeman, L., 1994. *Introduction to Government and Binding Theory* Edisi ke-2. Oxford: Blackwell.

- Jackendoff, R.S., 1975. "Morphological and Semantic Regularities in The Lexicon" dlm. *Language* 51, hlm. 639–71.
- Jaeggli, O., 1982. *Topics in Romance Syntax*. Dordrecht: Foris.
- Kamus Linguistik, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kayne, R. S., 1975. *French Syntax: The Transformational Syntax*. Cambridge, Mass.: M.I.T. Press.
- Ouhalla, J., 1999. *Introducing Transformational Grammar: from Principle and Parameters to Minimalism*. Edisi ke-2. London: Oxford University Press.
- Ramli Md. Salleh, 1989. *Fronted Constituents in Malay: Bases Structures and Move Alpha in a Configurational Non-Indo-European Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rouveret A. & Vergnaud, J.R., 1980. "Specifying Reference to the Subject" dlm. *Linguistic Inquiry* 11 hlm. 97–202.
- Stowell, T., 1981. "Origins of Phrase Structure". Disertasi Ph.D. Massachusetts Institute of Technology.
- Suner, M., 1988. "The Role of Agreement in Clitic-doubled Constructions" dlm. *Natural Language and Linguistic Theory* 6, hlm. 391–434.
- Weisler, S. E. & Milekic, S., 2000. *Theory of Language*. Mass: The MIT Press.
- Williams, E., 1995. "Theta Theory" dlm. Webelhuth Gert (peny.) *Government and Binding Theory*, hlm 99–123. USA: Basil Blackwell Limited.
- Zwickly, A. M., 1977. *On Clitics*. Bloomington: Indiana University Linguistics Club.